

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemajuan penyediaan 12 padang sintetik yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan kekangan yang dihadapi dalam menjayakan projek berkenaan.

JAWAPAN

Kementerian Kewangan telah diberikan tanggungjawab melaksanakan sebanyak 12 buah padang bola sepak tiruan/ sintetik selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet Tahun 2012.

Status kemajuan kesemua padang bola sepak tersebut setakat 16 Mei 2016 adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Status
1	Padang Bola Sepak Tiruan Di Stadium Tun Fatimah, Melaka	Siap pada 21 Mac 2013 dan telah digunakan sepenuhnya
2	Padang Bola Sepak Tiruan Di Kompleks Belia Dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan	Siap pada 21 Mac 2013 dan telah digunakan sepenuhnya
3	Padang Bola Sepak Tiruan Di Stadium Kluang, Johor	Siap pada 21 Mei 2013 dan telah digunakan sepenuhnya
4	Padang Bola Sepak Tiruan Di Padang Bola Sepak Kawasan Pekan Simpang Empat, Perlis	Siap pada 27 Jan 2014 dan telah digunakan sepenuhnya
5	Padang Bola Sepak Tiruan Di Taman Kejiranan Awam Paremba, Alor Setar, Kedah	Siap pada 13 Dis 2013 dan telah digunakan sepenuhnya
6	Padang Bola Sepak Tiruan Di Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Selangor	Siap pada 20 Nov 2014 dan telah digunakan sepenuhnya
7	Padang Bola Sepak Tiruan Di Padang MPK 2, Kuantan, Pahang	Siap pada 26 Nov 2015 dan telah digunakan sepenuhnya
8	Padang Bola Sepak Tiruan Di Sports Arena, Cyberjaya	Siap pada 16 Dis 2015 dan telah digunakan sepenuhnya
9	Padang Bola Sepak Tiruan Di Presint 8, Putrajaya	Dijangka siap pada Mei 2016
10	Padang Bola Sepak Tiruan Di Kompleks Sukan Labuan, W.P Labuan	<ul style="list-style-type: none"> • Pra-Pelaksanaan. • Peringkat pelantikan kontraktor • Jangkaan siap pada Mac 2017

Bil	Projek	Status
11	Padang Bola Sepak Tiruan Di Kompleks Sukan Padang Perdana, Kota Bharu, Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Pra-Pelaksanaan. • Peringkat pelantikan kontraktor • Jangkaan siap pada Mac 2017
12	Projek Bola Sepak Tiruan Di Stadium Mini Pontian, Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Pra-Pelaksanaan. • Peringkat pelantikan kontraktor • Jangkaan siap pada Mac 2017

Antara kekangan yang dikenalpasti dalam menjayakan projek padang bola sepak tiruan adalah seperti berikut:

1. Kesukaran untuk mendapatkan / mengenalpasti lokasi tapak bina yang sesuai untuk dinaiktaraf kepada padang bola sepak tiruan; dan
2. Ketiadaan pembekal rumput tiruan yang diiktiraf oleh FIFA di pasaran tempatan dan perlu diimport dari luar negara.